

# *Al-Baghy:* Konsep dan Pendekatannya Dalam Struktur Politik Masa Kini

Sharifah Hayaati Syed Ismail

## Abstract

*The issue of coup d'etat in the context of state government is highly related to the concept of obedience. The issue comes within the disciplines of Islamic political system and Islamic criminal law. The current article tries to analyse the recent uprisals in the light of the Islamic system.*

## Pendahuluan

Dalam undang-undang Jenayah Islam *Baghy* diertikan sebagai pemberontakan atau penderhakaan terhadap negara. Ia salah satu daripada kesalahan-kesalahan hudud, iaitu antara jenayah berat yang telah ditetapkan di dalam al-Quran atau al-Sunnah.

Isu *Baghy* dalam konteks kenegaraan amat berkait-rapat dengan persoalan hubungan dan ketaatan rakyat kepada negara atau pemerintah. Persoalan ini penting dalam menjamin kestabilan politik dan seterusnya keamanan negara.

Dalam perbincangan yang ringkas ini, hubungan di antara konsep *Baghy* dan bentuk-bentuk penentangan yang wujud dalam proses politik hari ini cuba diperlihatkan secara jelas.

### Definisi

Dari sudut bahasa *Baghy* bererti menuntut sesuatu.<sup>1</sup> Dalam al-Quran pengertian ini terdapat dalam firman Allah yang bermaksud:

*"Katakan: Begitulah apa yang pernah kami tuntut "*

*(al-Kahf: 64)*

Pengertian ini kemudiannya menjadi khusus sampai bererti perbuatan menuntut sesuatu yang tidak dibenarkan dengan cara yang zalim.<sup>2</sup> Dalam al-Quran penggunaan dalam pengertian yang agak khusus ini terdapat dalam firman Allah yang bermaksud:

*Katakan: Tuhanku hanya melarang perbuatan-perbuatan keji, yang terang dan tersembunyi, berbuat dosa, melanggar kekuasaan di luar kebenaran, mempersekututkan Allah di mana Tuhan tidak menurunkan kekuasaan tentang itu dan mengatakan (hal-hal) yang tidak baik tentang Allah yang tidak kamu ketahui."*

*(al-'Araf: 33)*

Dalam ayat di atas *Baghy* bermaksud: Melanggar kekuasaan di luar kebenaran.

Sebagai satu istilah, *Baghy* dihuraikan oleh para fuqaha sebagai "penentangan terhadap pemimpin berautoriti yang memerintah sehingga mengakibatkan suasana huru-hara, pemberontakan atau peperangan".<sup>3</sup>

Ini bererti elemen-elemen utama yang perlu ada di dalam jenayah ini ialah:

- (a) Penentangan terhadap pemerintah.
- (b) Penggunaan kekerasan atau kekuatan.
- (c) Niat jahat.

Antara dalil dari al-Quran dan al-Hadith yang menerangkan tentang jenayah ini ialah firman Allah yang bermaksud:

*"Dan jika ada 2 golongan dari orang-orang mukmin berperang, maka damaikanlah antara keduanya. Jika salah satu dari keduanya berbuat aniaya terhadap golongan yang lain, maka perangilah golongan yang berbuat aniaya itu sehingga golongan itu kembali kepada perintah Allah. Jika golongan ini telah kembali, maka damaikanlah antara keduanya dengan adil dan berlaku adillah, sesungguhnya Allah menyukai orang-orang yang berlaku adil."*

*(al-Hujurat: 9)*

Menurut riwayat daripada 'Ata' b. Dinar dari Said b. Jubair, ayat ini turun ekoran daripada perselisihan yang berlaku antara puak Aus dan Khazraj sehingga mengakibatkan peperangan.<sup>4</sup>

Al-Suddiy pula meriwayatkan ada seorang lelaki dari golongan Ansar bernama Imran mempunyai seorang isteri bernama Ummu Zaid. Pada suatu hari lelaki tersebut tidak mengizinkan isterinya menziarahi keluarganya. Apabila hal ini sampai ke pengetahuan keluarganya mereka datang untuk melepaskan Ummu Zaid dari kurungan Imran ketika ketiadaannya. Imran juga kemudiannya telah mendapatkan pertolongan dari kaum keluarganya. Hasilnya timbul perselisihan antara kedua pihak sehingga terjadi pergaduhan.<sup>5</sup>

Dari ayat tersebut juga boleh difahami bahawa maksud “2 golongan mukmin yang berperang” itu samada antara satu kaum dengan satu kaum yang lain, suami dan isteri, pemerintah dengan pemerintah yang lain atau antara rakyat dengan pemerintah.

Di dalam hadith pula Rasulullah bersabda kira-kira bermaksud:<sup>6</sup>  
*Barangsiapa yang mengangkat senjata (menentang) kami, sesungguhnya ia bukan dari golongan kami.”*

*(Riwayat al-Bukhari dan Muslim)*

Sabda baginda lagi, bermaksud:<sup>7</sup>

*“Barangsiapa yang melihat tindakan “amirnya” antaranya (pemerintah) yang tidak dipersetujui, maka hendaklah ia bersabar, kerana sesiapa yang memisahkan diri daripada jamaah, maka ia mati secara jahiliah”.*

*(Riwayat Ibn Abbas)*

Sabda baginda lagi bermaksud:<sup>8</sup>

*“Barangsiapa menarik tangan dari kepatuhan “amir” nya, nescaya di hari Qiamat kelak, ia bertemu Allah tanpa dipedulikan dan barangsiapa mati dan memisahkan diri daripada jamaah, maka ia mati secara jahiliyyah.”*

### Penentangan Terhadap Pemerintah

Perbuatan menderhaka atau menentang pemerintah merupakan salah satu daripada elemen *Baghy*.<sup>9</sup> Sama saja samada yang ditentang itu pemerintah tertinggi (الإمام الأعظم) atau pun pegawainya. Begitu juga samada ia bertujuan untuk merampas kuasa atau untuk tidak menjalankan kewajipan yang telah diamanahkan.

Walaupun *adil* merupakan salah satu daripada syarat pemerintahan, namun pandangan yang paling jelas daripada para fuqaha’ menunjukkan haram melakukan penentangan ke atas pemerintah yang *fasiq* walaupun dengan tujuan amar ma’ruf nahi munkar.<sup>10</sup>

Kerana penentangan ini walaupun dengan tujuan yang baik tetapi biasanya akan menimbulkan kemudharatan yang lebih besar. Menurut kaedah fiqh apabila bertembung dua kemudharatan dalam satu keadaan kemudharatan yang lebih besar hendaklah dielakkan.<sup>11</sup>

Al-Jaziri merumuskan perbuatan menderhaka sebagaimana yang dihuraikan

oleh para fuqaha kepada tiga bentuk;<sup>12</sup> pertama, penderhakaan yang dilakukan tanpa alasan tertentu samada dengan menggunakan kekuatan atau tidak. Kedua, penderhakaan yang dilakukan dengan alasan tertentu tetapi tanpa menggunakan kekuatan. Ketiga, penderhakaan yang dilakukan dengan alasan tertentu serta menggunakan kekuatan.

Hanya kategori penderhakaan yang ketiga sahaja dianggap sebagai jenayah *Baghy* oleh jumhur ulama'. Kerana golongan penentang tersebut mempunyai alasan serta kekuatan dalam gerakan. Sebaliknya kategori pertama digelar perompak atau penyamun ( **قَطَعَ الطَّرِيقَ** ). Begitu juga dengan kategori penentangan kedua. Hukuman sama seperti hukum ( **تَطْعُ الطَّرِيقَ أَوْ الْحَرَابَةَ** ). Iaitu jika ia membunuh ia hendaklah dibalas bunuh.<sup>13</sup>

Alasan atau *ta'wil* bagi penderhakaan itu samada munasabah ataupun tidak tetap dianggap salah menurut undang-undang Jenayah Islam selagi wujud penentangan yang bertujuan untuk menentang kerajaan dengan menggunakan kekuatan.

### **Penggunaan Kekerasan Atau Kekuatan**

Penentangan atau penderhakaan yang dikategorikan sebagai jenayah *Baghy* ialah yang dilakukan dengan menggunakan kekuatan atau kekerasan yang boleh mengakibatkan hura-hara, porak-peranda, haru-biru, perang saudara dan lain-lain bentuk perpecahan. Sebaliknya, jika ia dilakukan tanpa menggunakan kekuatan mahupun kekerasan, tindakan itu tidak dianggap sebagai jenayah *Baghy*. Sekumpulan pekerja yang enggan melaksanakan tugas tetapi bukan dengan menggunakan kekuatan tidak bersalah dengan kesalahan *Baghy*. Mereka sebaliknya telah melakukan kesalahan ta'azir. Terpulanglah kepada pemerintah untuk menentukan hukuman terhadapnya. Pesalah tersebut hanya digelar "*Fasid*" (perosak) bukannya *Bughah*.<sup>14</sup>

Dalam konteks ini, undang-undang Jenayah Islam membahagikan kesalahan menentang kerajaan kepada dua bahagian; bermotifkan politik iaitu *Baghy* - (political Crime) dan tanpa motif politik iaitu disebut sebagai *Jarimah 'Adiyah* - (Habitual Crime). Ini bererti dua kesalahan yang mungkin boleh melahirkan jenayah yang berbeza kerana berasaskan motif. Motif politik menjadikan sesuatu perbuatan salah itu sebagai jenayah *Baghy*. Sebaliknya tanpa motif politik ia hanya akan bersifat jenayah biasa sahaja.

Kekuatan yang dimaksudkan di sini tidak semestinya kekuatan berbentuk senjata tetapi mungkin dalam bentuk bilangan penentang yang ramai. Syarat ini dengan jelas disebut oleh Imam Syafi'i. Namun jumhur fuqaha berpendapat tindakan tidak boleh diambil jika mereka belum menggunakan kekuatan yang dimiliki, misalnya dengan hanya berkumpul atau berbincang sesama mereka tentang bila hendak memulakan pemberontakan. Bagaimanapun, bagi Imam Abu Hanifah tindakan sedemikian boleh dianggap sebagai *Baghy* dan boleh dikenakan tindakan. Kerana jika tidak, gerakan yang lebih mengancam mungkin terjadi dan sukar untuk

dikawal.<sup>15</sup>

Pandangan Imam Abu Hanifah ini lebih praktikal berbanding suasana politik pada hari ini. Adalah lebih baik jika tindakan seumpama itu dibendung sejak dari awal lagi dengan cara membentasi sebarang bentuk perkumpulan 'haram' yang mencurigakan. Bahkan kaedah fiqh juga ada menyatakan cara yang dapat membantu mengelakkan sebarang bentuk keburukan. Antaranya ialah; menutup jalan (pintu) kejahatan " **سد الذرائع** " dan kemudaharatan hendaklah dihapuskan " **الضرر يزال** " <sup>16</sup>

#### Niat Jahat<sup>17</sup>

Adalah menjadi syarat bahawa penentangan tersebut hendaklah dengan niat untuk menentang pemerintah atau enggan taat kepadanya. Sebaliknya jika penentangan tersebut berlaku tanpa niat seperti dipaksa atau diupah, jenayah *Baghy* tidak berbangkit. Dalam kes-kes seperti itu pemerintah boleh mengambil tindakan berdasarkan undang-undang biasa.

#### Hukuman

Para fuqaha' sependapat bahawa pemerintah yang memenuhi syarat perlantikan ( **الإمام الكامل** ) serta menjalankan pemerintahan dengan baik untuk kesejahteraan rakyat wajib ditaati.<sup>18</sup>

Sekiranya pemerintah tersebut ditentang dengan kekerasan dan bermotifkan politik, penentang berkenaan wajib diperangi.<sup>19</sup>

Pandangan ini berasaskan nas al-Quran dan hadith-hadith yang telah disebutkan sebelum ini serta tindakan Rasulullah s.'a.w. memerangi orang-orang musyrikin, tindakan Saidina Abu Bakar r.'a. memerangi golongan yang enggan membayar zakat dan tindakan Saidina Ali r.'a. memerangi golongan pemberontak Khawarij.

Tetapi untuk melaksanakan hukuman tersebut, jumhur fuqaha berpendapat tidak seharusnya tindakan kekerasan itu dimulakan oleh pemerintah. Sebaliknya pemerintah mestilah menunggu sehinggalah penentang-penentang tersebut memulakan tindakan mereka. Pandangan ini berdasarkan kepada kaedah tidak boleh melakukan pembunuhan terhadap orang Islam kecuali untuk pertahanan.

Berbeza dengan pandangan Hanafiyah. Bagi beliau, pemerintah boleh memerangi mereka walaupun belum memulakan penentangan secara formal. Syaratnya mereka telah mempunyai niat dan kekuatan untuk melakukan penentangan.

Sebelum menjalankan hukuman, para fuqaha berpendapat pemerintah hendaklah memberi peringatan serta menasihati penentang-penentang tersebut.<sup>20</sup>

Sebaliknya ialah mengadakan langkah perdamaian sebagaimana firman Allah bermaksud:

*"Dan jika ada 2 golongan dari orang-orang mukmin yang berperang, maka damaikanlah antara keduanya ."*

(*al-Hujurat* : 9)

Sekiranya mereka kembali taat mereka hendaklah diampuni. Firman Allah, bermaksud:

*....Sekiranya mereka insaf dan kembali mentaati pemimpin, mereka hendaklah diampuni."*

(al-Hujurat : 9)

Tetapi jika mereka enggan kembali taat, mereka hendaklah diperangi sebagaimana firman Allah s.w.t. yang bermaksud:

*"Jika salah satu daripada keduanya berbuat aniaya terhadap golongan yang lain, maka perangilah golongan yang berbuat aniaya itu sehingga golongan itu kembali kepada perintah Allah s.w.t."*

(al-Hujurat : 9)

Tindakan berkenaan telah dilaksanakan oleh Saidina Ali r.'a. sebelum memerangi golongan pemberontak Khawarij.<sup>21</sup>

Pandangan yang *rajih* di kalangan ulama' mujtahidin mengatakan bahawa tujuan golongan *Bughah* itu diperangi ialah untuk mengelakkan suasana huru-hara, perpecahan dan pemberontakan yang akan menjejaskan kestabilan politik, ekonomi dan sosial. Mereka itu diperangi bukan kerana kekufuran tetapi kerana kefasiqan. Sebahagian ahli-hadith menganggap golongan ini sebagai murtad dan hukumannya juga seperti hukuman ke atas orang murtad iaitu bunuh.<sup>22</sup>

Walau bagaimanapun, jika *Bughah* diketahui atau ditemui samada setelah selesai melakukan pemberontakan, atau tidak lagi berupaya untuk meneruskan pemberontakan, mereka itu tidak boleh diperangi kerana tiada lagi unsur-unsur penentangan pada dirinya ketika itu. ( *زالت حالة البغي* ) Terpulanglah kepada pemerintah untuk mengambil tindakan yang sewajarnya.<sup>23</sup>

Manakala harta-harta kepunyaan mereka pula tetap menjadi milik mereka dan boleh diwarisi. Ia tidak boleh dijadikan harta rampasan kerajaan ( *الغنيمة* ) atau cukai kepada negara ( *الغنيمة* ) kerana mereka bukan golongan orang-orang kafir atau murtad.<sup>24</sup>

### Gerakan Penentangan Dalam Sistem Politik Kini

Dalam menganalisa tindakan politik hari ini yang bertujuan samada untuk merebut kuasa mahupun untuk memperlihatkan rasa tidak puas hati terhadap sistem pemerintahan, keutamaan kepada aktiviti kelompok sosial lebih diberi penekanan daripada tindakan individu. Biarpun tindakan seseorang individu itu juga tidak kurang pentingnya.

Terdapat pelbagai cara digunakan oleh kelompok sosial. antaranya rusuhan, pemberontakan, rampasan kuasa dan revolusi hinggalah kepada aktiviti yang lebih berterusan sifatnya seperti kelompok pendesak, pembangkang dan propaganda. Jika

kita mendefinisikan sesuatu gerakan sosial itu dalam pengertian yang luas; sebagai satu usaha kolektif untuk memaju atau menentang perubahan dalam masyarakat, kenyataan ini sebaiknya dipertimbangkan dengan kesan-kesan negatif yang boleh memburukkan lagi keadaan. Supaya dengan itu, wujud imbalan yang sihat dalam sistem politik.

Dengan itu, di bawah tajuk ini beberapa bentuk gerakan penentangan yang juga disebut sebagai gerakan 'pra-politik' <sup>25</sup> akan dibincangkan:

### (A) Gerakan Revolusi

Dalam penggunaan biasa, perkataan revolusi selalunya digunakan untuk menerangkan kedua-dua kaedah yang menghasilkan perubahan dan ruang lingkup perubahan. Iaitu, revolusi yang merangkumi perubahan-perubahan yang tetap pada perwatakan kerajaan dan berlaku tanpa melibatkan kegunaan untuk menjatuhkan susunan pemerintahan. Dalam pengertiannya yang sempit, perkataan revolusi adalah merujuk kepada kaedah-kaedah yang diguna untuk mewujudkan perubahan khusus dalam sistem kerajaan. Pengertian ini yang akan menjadi fokus perbincangan penulis. Iaitu penegasannya adalah terhadap penggunaan kegunaan atau cara-cara yang di luar perlembagaan yang melibatkan keruntuhan sesuatu pemerintah. <sup>26</sup>

Contohnya, Revolusi Perancis (1788) yang menggantikan pemerintahan sebuah kerajaan beraja mutlak yang berjalan sewenang-wenangnya dengan pemerintahan yang dijalankan oleh sebuah dewan yang dipilih oleh rakyat. Sementara Revolusi Rusia (1905) pula telah mengubah sama sekali personel dan tujuan yang ada pada kerajaan iaitu pemerintahan bercorak autokrasi. <sup>27</sup>

Dengan itu, menurut Laski pengertian revolusi itu menyerupai "satu usaha yang dibuat dengan menggunakan kekerasan bagi menentang kerajaan yang berkuasa secara sah bagi memastikan adanya suatu perubahan yang diyakini oleh mereka sebagai matlamat sebenar negara dengan menggunakan kekerasan". <sup>28</sup>

Gerakan revolusi ini mungkin bertujuan untuk membawa perubahan yang meluas dan asasi dalam keseluruhan hubungan yang kompleks di antara warganegara dan negara atau ia mungkin tidak lebih daripada suatu rampasan kuasa dari pemilik sebenar. Namun, pada hakikatnya ia adalah dalam bentuk revolusi, iaitu dalam erti kata bahawa penggunaan ugutan kekerasan telah menghalang perjalanan jentera berperlembagaan untuk bertindak sebagaimana yang dirangkakan.

Dengan itu, unsur penting dalam definisi ini, iaitu penggunaan kekerasan bagi menentang kerajaan yang sudah tertubuh secara sah adalah sama dengan kesalahan *Baghy* dalam undang-undang jenayah Islam. Tindakan pengawalan dan pencegahan hendaklah diambil demi kesejahteraan rakyat dan negara.

### (B) Kumpulan Pendesak

Di antara definisi kumpulan pendesak yang diberi oleh beberapa ahli politik

ialah: <sup>29</sup>

- (1) Kumpulan yang menggunakan berbagai cara untuk mendapat sokongan. Ia menyampaikan dan mengeluarkan pandangan masyarakat awam.
- (2) Apabila kumpulan-kumpulan itu mula mendesak kerajaan untuk mengekalkan undang-undang dan pentadbiran mengikut cara mereka.
- (3) Satu jumlah tertentu dalam kumpulan ini akan menentukan aktiviti satu pertubuhan formal atau menganjurkan sesuatu untuk tujuan tertentu. Ia juga melindungi ahli dari melampaui kuasa badan-badan lain dalam kehidupan mereka.
- (4) Sebarang kumpulan yang disusun adalah untuk cuba mempengaruhi polisi awam mengikut kehendak mereka. Walaupun berlainan dengan parti politik, ia tidak menerima apa-apa daripada kerajaan secara terus dan inilah yang digelar kumpulan pendesak.

Dari keempat-empat definisi di atas kumpulan pendesak merujuk kepada satu kumpulan masyarakat yang membentuk satu pertubuhan. Kumpulan ini cuba mengenakan pengaruh dan tekanan terhadap kerajaan. Ini adalah demi menjamin kepentingan awam dan kumpulan. <sup>30</sup>

Ini menunjukkan tindakan kumpulan ini ada baik dan buruknya dalam sistem pemerintahan. Selagi golongan ini tidak menggunakan kekerasan yang bermotifkan politik, mereka tidak dianggap sebagai *Bughah*. Namun, jika pemerintah merasakan gerakan kumpulan ini mengganggu kelancaran sistem pemerintahan, pemerintah dengan budi-bicaranya boleh mengadakan sekatan-sekatan tertentu atas kesalahan tersebut sebagai kesalahan ta'zir.

#### (C) Pembangkang

Mengikut pandangan ilmu politik, pembangkang bermakna pertalian kumpulan manusia yang bertindak bersama serta berkeupayaan untuk bergerak secara kolektif. Pada dasarnya ia adalah sebagai kerajaan pilihan kepada pengundi. <sup>31</sup>

Salah satu ciri kerajaan bercorak demokrasi ialah membenarkan rakyat atau sesuatu kumpulan mengkritik pemimpin yang memegang kuasa. Pembangkang juga dibenar menubuhkan suatu organisasi atau parti. Mereka boleh memaparkan kritikan-kritikan terhadap kerajaan di samping memperkenalkan beberapa kaedah untuk memperbaiki kerajaan.

Dengan itu kewujudan parti atau individu pembangkang tidak dikategorikan sebagai *Baghy*. Kerana selain daripada tidak menggunakan kekerasan, kewujudannya dalam sesebuah pemerintahan demokrasi adalah diiktiraf.

#### (D) Propaganda

Pada umumnya propaganda difahami sebagai apa sahaja usaha yang dilakukan



secara sistematis untuk mempengaruhi pikiran, emosi dan tindakan sesuatu kumpulan demi memenuhi tujuan tertentu. Secara lebih khusus, ianya diucap kepada rakyat negara lain bukannya kepada kerajaan mereka. Di samping itu, propaganda juga mempunyai tujuan-tujuan tertentu yang seringkali untuk kepentingan negara yang melakukan propaganda itu. Oleh kerana ia dilakukan oleh berbagai negara, tujuannya adalah untuk memenuhi matlamat-matlamat yang bersifat negatif.<sup>32</sup>

Di antara alat-alat komunikasi yang digunakan untuk menyebarkan propaganda terhadap sesuatu tujuan ialah radio bergelombang pendek yang merupakan alat yang paling penting serta boleh didengar oleh pendengar-pendengar di seluruh dunia dan tidak boleh disekat dengan berkesan.<sup>33</sup>

Daripada pengertian ringkas ini dapat disimpulkan bahawa jika propaganda itu dilakukan untuk mendapat sokongan bagi menjatuhkan sesebuah kerajaan, ia dianggap sebagai penentang terhadap kerajaan. Tetapi penentangan seumpama itu hanya dianggap salah sebagai *Jarimah Adiyah (habitual crime)* dan bukannya *Baghy*. Pemerintah mempunyai bidangkuasa untuk mengenakan apa-apa tindakan atau hukuman. Ini kerana penentangan tersebut tidak menggunakan kekuatan atau kekerasan.

### Ulasan

Dari perbincangan ini, beberapa teori politik Islam telah dapat dikumpulkan. Pertama, setiap pemimpin yang telah dipilih oleh rakyat dengan cara yang sah wajib ditaati. Dengan ini pemerintah mempunyai hak penuh untuk memperoleh ketaatan dari seluruh warganegaranya selagi ia menjalankan kewajipan ke arah jalan yang benar. Kenyataan ini berpandukan kepada firman Allah yang bermaksud:

“*Taatilah Allah, Rasul dan pemimpin kamu.*”

(*al-Nisa': 59*)

Serta hadis Nabi yang bermaksud:

“Barangsiapa menarik tangannya dari kepatuhan kepada pemerintah, nescaya di hari Qiamat kelak, ia bertemu Allah tanpa dipedulikan, dan barangsiapa mati tanpa memiliki ikatan bai`at, maka ia mati secara jahiliyyah.”

Juga sabda Rasulullah s.a.w yang bermaksud:<sup>34</sup>

“Sesiapa yang mentaatiku sesungguhnya telah mentaati Allah. Sesiapa yang tidak mentaatiku, ia tidak mentaati Allah dan sesiapa yang mentaati pemimpin sesungguhnya telah mentaati dan sesiapa yang tidak mentaati pemimpin, sesungguhnya tidak mentaatiku.”

Kedua, penentang ke atas pemerintah yang dilakukan dengan kekerasan adalah satu jenayah di dalam Islam, sebagaimana terkandung dalam sabda Nabi yang bermaksud:<sup>35</sup>

“Barangsiapa yang mengangkat senjata melawan kami, tidak termasuk golongan

kami."

Tetapi, ini tidaklah berarti menyuarakan pandangan atau rasa tidak puas hati terhadap sistem pemerintahan tersebut tidak dibenarkan. Cuma, apa yang digalakan di dalam ajaran Islam ialah penggunaan cara yang baik serta saluranyang sah, iaitu dengan mengadakan rundingan dan perbincangan secara aman.

Dengan itu sekiranya penentangan secara kasar yang bermotifkan politik sehingga boleh mengakibatkan huru-hara terus diadakan, penentang tersebut wajib diperangi sebagai *Bughah* setelah gagal mencapai perdamaian.

Sebaliknya jika penentangan tersebut dilakukan tanpa menggunak senjata tetapi dengan kekuatan penyokong, ia juga dianggap sebagai *Bughah* menurut fuqaha, kerana kekuatan penyokong juga boleh menimbulkan suasana huru-hara yang akan mengganggu pelaksanaan pemerintahan.

Pandangan fuqaha ini dapat dikembangkan lagi kepada kekuatan-kekuatan lain yang berkesan dalam mewujudkan suasana huru-hara seperti penentangan yang disalurkan melalui propaganda. Oleh kerana masyarakat pada hari ini bersifat profesional, maka barangkali penentangan juga secara profesional. Adalah munasabah jika dikatakan bahawa apa saja bentuk kekuatan yang bermotif politik dan boleh mengakibatkan huru-hara dan pemberontakan dikategorikan sebagai *Baghy*.

Sebaliknya penentangan lain yang tidak menggunakan kekerasan atau cara yang tidak akan menimbulkan perpecahan atau huru-hara dikategorikan sebagai kesalahan biasa *Jarimah Adiyah* yang akan dikenakan hukuman ta'azir berdasarkan keseriusan tindakan tersebut.

#### Nota Kaki

1. Abdul Qadir `Audah, *al-Tasyri' al-Jina'i al-Islami*, cet. 5, juz. 2, 1968, hh. 673.
2. *Loc.cit.*
3. *Loc.cit.*
4. Abu Bakar Mohammad b. Abdullah Ibn. `Arabi, *al-Ahkam al-Quran*, jld. 4, Beirut: Dar al-Ma`rifah, t.t., h. 1718.
5. *Ibid.*, h. 1719. Lihat juga, al-'Allamah Jalaluddin Muhamad b. Ahmad al-Mahalli dan Jalaluddin AbdulRahman b. Abu Bakr al-Sayuti, *al-Quran al-Karim; Tafsir al-Imamain al-Jalalain*,
6. Muhammad bin Ali b. Muhammad al-Syawkani, *Nail al-Awtar*, Juz. 7, t.t., h. 173.
7. *Ibid.*, h. 171.
8. *Ibid.*
9. AbdulQadir `Audah, *op.cit.*, , h. 674.

10. Ibid .
11. Al-Syeikh Ahmad b. Syeikh Muhammad al-Zarqa', *Syarh al-Qawaid al-Fiqhiah*, cet. 2, 1989, h. 201.
12. Abdul Rahman al-Jaziri, *loc.cit* .1
13. *Ibid.*
14. `AbdulQadir `Audah, *al-Tasyri' al-Jina'i al-Islami*, Juz. 1, t.t., h. 101.
15. AbdulRahman al-Jaziri, *op.cit.*, h. 420.
16. Imam Jalaluddin AbdulRahman al-Suyuti, *al-Asybah wa al-Nazair*, cet. 1, 1983, hh. 83.
17. `AbdulQadir `Audah, *op.cit.*, Juz 2, h. 697.
18. AbdulRahman al-Jaziri, *op.cit.*, h.417.
19. *Loc.cit.*, Ibn. al-'Arabi. Lihat juga: Abu Muhammad Abdullah b. Ahmad b. Muhammad b. Qudamah al-Maqdisi, *al-Mughni Li-ibn al-Qudamah*, Juz. 8, t.t., h. 112.
20. Dr. Wahbah al-Zuhaili, *al-Fiqh al-Islami wa Adillatuhu*, Juz. 6, cet. 3, 1989, h
21. Shamsuddin al-Sarkhasi, *Kitab al-Mabsut'*, jld. 5, cet. 3, 1978, h. 124.
22. Abdul Rahman al-Jaziri, *op. cit.*, h. 418.
23. *Al-Mughni Li-ibn al-Qudamah*, h. 104.
24. Wahbah al-Zuhaili, *op. cit.*, h. 145.
25. Tom Bottomore, *Sosiologi Politik*, terj. oleh Hussain Mohammad, Kuala Lumpur: Dewan Bahasa Dan Pustaka 1983, h. 44.
26. Dorothy Pickles, *Pengantar Ilmu Politik*, terj. Oleh Hussain Mohammad, Kuala Lumpur: Dewan Bahasa Dan Pustaka, 1988. h. 97.
27. *Ibid.*
28. *Ibid.*, h. 98.
29. K.Ramanathan, *Konsep Asas Politik*, Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka, 1992, h. 135.
30. *Ibid.*
31. *Ibid.*, h. 201.
32. Joseph Frankel. *Hubungan Antarabangsa Dalam Dunia Yang Sedang Berubah*, terj. Oleh

Hussain Mohammad, Kuala Lumpur: Dewan Bahasa Dan Pustaka, 1987, h. 162.

33. *Ibid.*, h. 165.

34. Al-Syawkani, *op. cit.*, h. 173

35. *Ibid.*, h. 171.